

Sains dan Islam: Memanfaatkan Sains Bagi Memartabatkan Islam

Mohd Ridhuan Tee bin Abdullah
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Redwan bin Yasin
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Abstrak

Agama Islam yang syumul, sememang tidak dapat dipisahkan daripada sains. Dalam Islam ada sains. Begitu juga bidang ilmu yang lain seperti politik, ekonomi, sosial dan sebagainya, tidak dapat dipisahkan dari Islam . Namun, perlu dingatkan, tidak semua perkara dalam Islam boleh dibuktikan melalui sains sama ada melalui eksperimen, mahupun logik akal. Misalnya, ibadah haji. Kenapa tawaf 7 kali, sai'e, melontar dan sebagainya? Umat Islam melakukan kerana perintah Allah SWT. Tidak timbul soal pembuktian sains diperlukan, walaupun tidak dinafikan ada unsur-unsur sains di situ. Dalam al-Quran, Allah SWT banyak menceritakan tentang ilmu sains seperti ilmu astronomi, cakerawala dan sebagainya. Dr Maurice Bucaille memeluk Islam kerana terpegun dengan pembuktian sains dalam al-Quran. Persoalannya, kenapa kehebatan sains yang dibuktikan al-Quran tidak menjadikan umatnya menguasai sains? Sebaliknya, orang bukan Islam yang memonopoli. Umat Islam hari ini tidak tergolong dalam menghasilkan ciptaan sains. Begitu juga dengan ilmu sains sosial, seperti ilmu Sains Politik. Umat Islam hanya menjadi pengguna dan mengikut acuan barat membuta-tuli. Sistem demokrasi diamalkan tanpa diIslamisasikan. Justeru, bagaimanakah umat Islam boleh memanfaatkan sains yang dicipta barat bagi memartabatkan Islam. Kertas kerja ini akan membincangkan kesepaduan sains dan Islam dapat dimanfaatkan untuk memartabatkan Islam.

Kata kunci: Sains, Islam, Manfaat, Martabatkan Agama

Pendahuluan

Peredaran zaman yang berlalu pantas banyak memberi kesan kepada kehidupan insan. Banyak perubahan dan peningkatan yang berlaku dalam kalangan masyarakat muslim di seluruh dunia. Bidang pengajian ilmu yang wajib dituntut tidak hanya terbatas kepada ilmu bersifat *naqli* yakni yang bersifat wahyu Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW, bahkan harus diperluaskan kepada ilmu *aqli* yang berpunca daripada ketajaman buah fikiran manusia dalam meneliti dan mengkaji sesuatu. Integrasi antara kedua-dua cabang ilmu ini ternyata telah mampu mendatangkan *masalah* yang besar kepada umat Islam secara keseluruhannya. Catatan sejarah dunia pada zaman lampau telah menyaksikan betapa agama Islam dipandang tinggi dan mencapai era kegemilangannya dengan kelahiran intelektual-intelektual Islam yang menjadi penyumbang kepada pengkayaan ilmu pengetahuan samada dalam bidang sastera mahupun sains.

Akan tetapi, semakin lama sinar kegemilangan Islam semakin malap dan dibayangi oleh pencapaian hebat tamadun Barat yang dilihat semakin berluasa dan telah menjadi lambang kemegahan tamadun dunia, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Hal ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan kemunculan tamadun Islam dan pencapaian era keemasannya telah berlaku lebih awal daripada tamadun Barat. Mengapa ianya sukar dikekalkan dan terus diperkembangkan walaupun jumlah umat Islam semakin hari semakin ramai? Adakah kerana yang wujud dan tampak banyak adalah kuantitinya sahaja, bukanlah sesuatu yang berkualiti. Bidang sains adalah merupakan suatu bidang ilmu yang menjadi kewajipan untuk diceburi oleh umat Islam dan tidak harus diketepikan bagi memberikan manfaat yang luas kepada syiar Islam.

Pemahaman Sains Menurut Pandangan Islam

Sebagai umat Islam, kita seharusnya mempercayai bahawa antara ciri utama yang terkandung dalam konsep Tasawwur Islam dalam memberikan gambaran tepat mengenainya ialah sifat *Syumul* yakni komprehensif yang dimiliki oleh agama Islam. Salah faham sering berlaku apabila ramai manusia zaman kini yang cuba memisahkan agama daripada agenda kehidupan seharian dan menganggap bahawa Islam hanya agama beribadah dan tidak sesuai bagi tujuan lain. Tanggapan tersebut amatlah salah sama sekali kerana mengikut prinsip *Akidah Islamiyyah*, kita wajiblah mempercayai bahawa setiap bentuk perlakuan insan samada berbentuk pekerjaan *duniawi* mahupun ibadah *ukhrawiyyah*, kesemuanya perlu bersandarkan kepada dalil-dalil syarak yang menyokong akan perkara tersebut. Hal ini adalah merangkumi perbincangan tentang ilmu sains yang mana telah dinukil dan diperbahaskan melalui sumber-sumber utama hukum syarak. Antara bukti-bukti Islam menerima dan mendahului penemuan sains dalam dunia kontemporari kini ialah:

i) Sains dalam al-Quran

Sebagai mukjizat teragung yang diturunkan oleh Allah SWT kepada RasulNya, kitab suci al-Quran sentiasa mendahului pemikiran manusia kerana ianya adalah merupakan wahyu Allah SWT yang tiada keraguan dan tidak terjangkau oleh akal makhluk. Perbincangan

dalam ayat-ayat suci al-Quran tidak hanya terbatas kepada anggapan sempit sesetengah pihak seperti hanya terkandung padanya perintah ibadah, larangan maksiat, *Sirah al-Nabawiyah*, bahkan ianya mengandungi apa yang disebut oleh ulama sebagai maklumat, “*indicator*” yakni petunjuk atau “*hint*” yakni isyarat mengenai perkara-perkara yang menjadi bidang tumpuan kajian sains. Umpamanya adalah (Sulaiman Noordin,1995:2):

- Cap jari tangan sebagai alamat pengenalan manusia
- Penciptaan planet Bumi dan Langit
- Bahawa planet Bumi ini berbentuk sfera kebulatan dan beredar di atas paksinya
- Bahawa planet Bumi beredar mengelilingi matahari
- Penciptaan manusia yang berpasangan dan berlainan jantina

Haruslah difahami bahawa, penemuan fakta-fakta sains yang ditemui oleh para saintis-saintis Barat telah pun lama dinukilkan oleh Allah SWT dalam kitab suci al-Quran. Hal ini adalah merangkumi bidang perubatan, astronomi, biologi, fizik dan sebagainya. Dua (2) contoh terbesar yang boleh diambil ialah melalui pernyataan secara jelas oleh Allah SWT dalam menunjukkan penemuan bidang astronomi dan penciptaan bumi dan langit, melalui surah al-Anbiya’, ayat 30 yang berbunyi:

“Dan apakah orang-orang yang tidak beriman tidak mengetahui bahawasanya langit dan bumi itu keduanya adalah suatu yang padu, kemudian Kami pisahkan antara keduanya. Dan daripada air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Mengapa mereka tidak juga beriman?”

(al-Anbiya’,21:30)

Menurut para ilmuan agama dan sains, ayat di atas memberi petunjuk tentang suatu proses yang wujud dalam teori sains yang membelah bagi (*Fataqa*) yakni daripada unsur jirim yang satu iaitu (*Rataqa*), yang mana pada awal penciptaan alam cakerawala, langit dan bumi adalah berpadu kuat dan dipisahkan antara satu sama lain atas kudrat Allah SWT melalui suatu proses yang menyerupai letupan. Dan daripada unsur air maka terjadilah sumber bagi hidupan-hidupan di alam semesta ini.(Sulaiman Noordin, 1993:32). Di samping itu juga, salah satu penemuan ahli sains Barat dalam menyebut tentang Teori Ledakan Besar yang digambarkan oleh melalui “*Model Einstein*”, iaitu melalui teori ini menyatakan tentang keadaan akhir zaman semua bahan-bahan di alam semesta akan balik kepada satu pusat yang sama bernama lubang hitam (black hole). Intipati Al-Quran terlebih dahulu telah menemukan teori tersebut apabila telah disebut dalam ayat suci al-Quran dalam menggambarkan keadaan langit pada Hari Kiamat:

“(Ingatlah) hari Kami menggulung langit seperti menggulung surat catitan”

(al-aAnbiya’,21:104)

Lihatlah betapa selarinya kandungan ayat suci al-Quran dengan teori sains yang ditemui oleh manusia. Keadaan langit pada Hari Kiamat dalam gambaran al-Quran adalah bersamaan dengan teori yang ditemui oleh saintis Barat. Berkemungkinan wujud sesetengah golongan ahli sains yang berbeza pendapat mengenai teori tersebut, akan tetapi secara dasarnya model utama (major) berkenaan dengan kejadian langit dan bumi serta pengakhirannya telah dijelaskan oleh al-Quran tanpa wujud sebarang pertentangan dengan

fakta-fakta sains. Inilah yang membuktikan kebenaran al-Quran sebagai sumber utama bagi sebuah agama sejagat yang menepati fitrah setiap insan.

ii) Sunnah Rasulullah SAW dan Sains

Jika dihayati, pastinya kita akan dapati bahawa al-Sunnah sebagai sumber rujukan kedua bagi syariat Islam juga tidak pernah terpisah dari pembuktian fakta-fakta sains. Ini adalah kerana Rasulullah SAW sebagai *Qudwatul Hasanah wa Rahmatul lil 'Alamin* yakni contoh ikutan terbaik dan juga rahmat buat sekalian alam semestinya tidak akan terkebelakang atau mundur daripada pemikiran moden manusia. Contoh termudah yang membuktikan al-Sunnah merangkumkan penemuan sains ialah melalui hadith Rasulullah SAW yang menjelaskan secara panjang lebar tentang proses kejadian manusia yang telah dikeluarkan oleh Imam al-Bukhari dalam sahihnya pada kitab *Bad'ul Khalqi*, bab *Zikrul Malaikah* (no. hadith: 3036). Para ulama *'Ulum Hadith* menjelaskan bahawa selama dalam tempoh seratus dua puluh hari, janin mengalami 3 kali perubahan. Setiap perubahan terjadi dalam empat puluh hari iaitu “Nutfah” pada 40 hari pertama, “A’laqah” pada 40 hari kedua, “Mudhghah” pada 40 hari ketiga. Selepas genap 120 hari, barulah Allah SWT mengutuskan Malaikat untuk meniupkan roh untuk bayi yang berada dalam kandungan ibunya.(al-Nawawi, 2012:27).

Kesemua ini sememangnya wujud dalam bidang sains perubatan, cuma yang membezakannya ialah istilah khusus yang digunakan seperti sperma (nutfah), embrio (a’laqah) dan fetus (mudghah). Akan tetapi fakta mengenai tempoh dan proses yang dilalui adalah selari antara penemuan sains dan penetapan mengikut as-Sunnah. Kelebihan merujuk kepada hadith Rasulullah SAW dalam melakukan pentaakulan ilmu sains dapat dilihat pada keseluruhan sabda tersebut, apabila dinyatakan bahawa sungguhpun manusia diberikan kemampuan untuk berusaha dan melakukan apa jua bentuk pekerja sepanjang hidup di muka bumi, akan tetapi hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah ada suatu kuasa teragung sebagai *Khaliq* yakni pencipta kepada sekalin makhluk yang akan menentukan *qada'* dan *qadar* manusia.(al-Rifai'e,1992:56). Inilah buktinya hadith tidak sesekali menolak kajian sains, malah menyokong setiap penemuan oleh mana-mana saintis barat mahupun Islam, selagi mana tidak bertentangan prinsip akidah dan syariat Islam.

Selain itu, tidak ramai umat Islam yang mengkaji kenapa Rasulullah SAW mendahulukan makan buah-buahan sebelum memakan makan yang berat. Sains membuktikan bahawa sememang fitrah perut yang dijadikan Allah SWT perlu memasukkan makanan (buah-buahan) yang lembut (mentah dan berfiber), alkali, manis dan sebagainya, ketika lapar (perut kosong)

Cuba fikir sejenak kenapa umat Islam disunatkan berbuka puasa dengan memakan buah-buahan (kurma dan manis)? Kajian sains membuktikan bahawa perut yang sedang berlapar (berehat) perlu ‘dilayan’ dengan baik yakni dengan memasukkan makanan yang lembut dan mudah dihadam. Perut seolah-olah ‘terkejut’ apabila ketika kosong (lapar), tiba-tiba dimasukkan makanan yang keras (sukar dihadam).

Rasulullah SAW memulakan makan (sama ada ketika berbuka puasa atau tidak) dengan mengambil buah yang manis (kurma) terlebih dahulu. Sains membuktikan bahawa dengan mengambil makanan manis (berfiber, alkali, mentah) ketika perut kosong yakni ketika

nafsu makan sangat tinggi, dapat menurunkan selera (nafsu) makan. Kandungan gula dalam buah lebih cepat diserap badan untuk memberikan tenaga.

Dengan memasukkan makanan manis (buah) ketika perut lapar, selain menurunkan sedikit selera, buah-buahan dalam dihadam dengan cepat. Begitu juga khasiatnya (mentah) dengan mudah diserapkan oleh badan. Apatah lagi kebanyakan buah sifatnya mentah dan beralkali. Sebab itulah, dapat dilihat mereka yang berbuka puasa dengan memakan makanan yang ringan (buah-buahan), kelihatan segar, walaupun hampir 13 jam tanpa makan dan minum. Misalnya, paling baik, berbuka (memulakan makanan) dengan buah, rehat selama 15 minit (untuk solat – maghrib), diikuti dengan makanan berat.

Inilah cara melayan perut dengan baik sebagaimana yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW. Berbanding dengan mereka yang secara tiba-tiba memasukkan atau memakan makanan yang sukar dihadam ketika perut kosong. Perut seolah-olah ‘terkejut’ menerima makanan tersebut. Perut tidak dilayan dengan sepatutnya. Akibatnya, apabila perut telah penuh, kemudian diikuti dengan memakan buah-buahan sebagai pencuci mulut, sifat buah-buahan yang sangat baik seperti berfiber, alkali, dan sebagainya, seolah-olah tidak lagi membawa makna apabila dimakan setelah perut kenyang.

Hari ini, ramai kalangan saintis barat telah merubah cara hidup mereka, daripada memakan buah-buahan sebagai pencuci mulut selepas memakan makanan berat, kepada memakan buah-buahan sebelum memakan makanan yang berat. Ternyata, sunnah Rasulullah SAW memulakan memakan dengan buah-buahan sebelum memakan makanan berat, membawa begitu banyak manfaat kepada kesihatan.

Malangnya, umat Islam pula terbalik, melihat apa yang dilakukan oleh barat itu betul, sehingga meninggalkan sunnah Rasulullah SAW, yang penuh dengan makna dan pembuktian sains.

iii) Ijtihad dan Sains

Dalam meniti dunia masa kini, manfaat al-Quran dan as-Sunnah haruslah diperkasa dan diperluaskan lagi dengan menggunakan instrumen Ijtihad sebagai kaedah penyelesaian bagi beberapa ilmu permasalahan semasa atau yang disebut sebagai *Fiqhu al-Mua'sarah*. Isu-isu yang berkaitan dengan umat Islam samada dari sudut perubatan, mu'amalat perbankan, pemakanan, munakahat dan sebagainya haruslah dirujuk dan diselesaikan mengikut kaedah yang ditunjuk oleh syariat Islam. Sekiranya tidak jelas atau secara tepatnya tidak disebut samada dalam al-Quran atau as-Sunnah mengenai isu pokok sesuatu permasalahan, maka di sinilah Ijtihad akan mengambil peranan dalam merungkai dan menyediakan jalan keluar terbaik bagi umat Islam. Antara dalil utama yang menunjukkan Ijtihad diterima dari sudut Usul Fiqh ialah melalui persoalan Rasulullah SAW kepada Muadz bin Jabal dalam menghakimi sesuatu, sekiranya tidak didapati secara tepat samada dalam al-Quran atau as-Sunnah, maka beliau menjawab (al-Zuhaily,1999:22):

“Aku akan berijtihad (dengan merujuk al-Quran dan as-Sunnah) dan aku tidak akan berlaku cuai dalam berijtihad”. Lalu Baginda menepuk dadanya seraya bersabda, “Puji-pujian bagi Allah SWT yang memberi taufiq utusan Rasulullah kepada sesuatu yang meredakan Rasulullah”

(H.R al-Bughawiy)

Peranan pelaksanaan Ijtihad terutamanya dalam ilmu sains adalah sesuatu yang amat diperlukan dan dituntut oleh keadaan semasa. Oleh kerana itu, pertimbangan tepat yang harus dilakukan oleh seorang ilmuan Islam yang melakukan kajian sains pada masa kini haruslah berkait rapat dengan al-Quran, al-Sunnah, dan sains atau teknologi. Kesemua elemen-elemen berikut haruslah diadun dan dicernakan bersama supaya dapat mengeluarkan suatu istilah baru dunia Islam yang dipanggil Ijtihad saintifik yang seharusnya dipelopori oleh cendekiawan Islam untuk diguna pakai dan dijadikan rujukan keseluruhan umat. Sebagai mukmin, kita tidak sepatutnya berpegang kepada teori sains semata-mata terutamanya yang datang daripada dunia barat, kerana fakta saintik Islam pastinya mempunyai acuan yang tersendiri. Oleh kerana itu, ulama muftakar dunia Islam masa kini, Prof. Dr Yusof al-Qardhawi menyatakan bahawa keperluan dalam memasukkan elemen Ijtihad dalam pertimbangan sains adalah disebabkan oleh perubahan besar kehidupan sosial setelah berlaku revolusi industri, teknologi serta ledakan maklumat, kecanggihan komunikasi dan sebagainya. Antara permasalahan sains dan teknologi yang memerlukan Ijtihad soheh sebagai penyelesaian ialah seperti bank susu atau bank air mani, pemindahan organ daripada si mati kepada insan yang hidup, penentuan kematian bagi kes mati otak dan pergantungan degupan jantung dengan mesin, dan banyak lagi. (Md. Saleh Ahmad, 2007:95). Tanpa Ijtihad, akan tersasar jauh penyelesaian atau jawapan bagi permasalahan-permasalahan berikut dari prinsip ajaran Islam yang sebenar.

Nilai Islam Dalam Penyatuan Sains dan Agama

Penerapan nilai yang paling utama dalam mewujudkan keselarasan antara agama Islam dan kajian sains ialah nilai Tawhid yang berpegang kepada *Akidah Islamiyyah*. Pemisahan yang nyata antara bidang pengajian sains dengan kepercayaan kepada Allah SWT dan RasulNya hanya akan menjadikan penemuan sains bersifat batil serta tersasar daripada jalan Islam yang sebenar. Haruslah diketahui bahawa, bukan kesemua yang dilihat bagus oleh mata dan akal insan dikira bagus dan diterima oleh syarak, walaupun ditunjukkan oleh kajian sains. Seharusnya didahulukan pandangan syariat Islam berpandukan al-Quran dan as-Sunnah sebelum sesuatu penemuan sains diyakini dan diamalkan. Sungguhpun dalam terdapat galakan pengkhususan dan kajian terperinci dalam rangka sains, tetapi ianya wajib dipandu oleh akidah Islam. Sebarang falsafah Barat atau mana-mana spekulasi yang tidak mempunyai asas akidah perlulah dikikis keluar daripada bidang kajian sains dan Islam. (Sulaiman Noordin, 1993:61)

Bukanlah menjadi suatu kesalahan sekiranya bidang pengajian dan kajian sains dilakukan secara pembuktian eksperimental atau kajian kemanusiaan kerana agama Islam sendiri menerima dan mengakui akan hakikat tersebut. Malah amat digalakkan untuk menyatukan agama dan pembuktian sains supaya dapat dipandu oleh hukum Tuhan bukanlah logik akal manusia semata-mata. Menurut pandangan Islam, sains adalah bidang pengajian yang menggunakan akal fikiran ke atas alam tabi'e yang diharuskan oleh syarak kerana mafhumnya, alam tabi'e adalah merupakan seperti kitab yakni bukti yang nyata tentang kebesaran Allah SWT sebagai panduan manusia untuk mengkaji kebesaran Tuhan. Ajaran Islam menganggap teknologi sebagai pemudahcara bagi memberikan manfaat dan sains

pula sebagai angkuh terpenting untuk menerajui ketamadunan manusia sambil disertakan dengan elemen-elemen keagamaan dan ciri-ciri saintifik. (Zaheril Zainudin, 2007:30)

Pendekatan pengajian bidang sains adalah merangkumi sains tulen, sains bukan tulen dan sains gunaan. Sains tulen meliputi bidang-bidang seperti fizik, botani, kimia dan zoologi. Sains bukan tulen pula umumnya berkaitan dengan sejarah, ekonomi dan sains sosial. Manakala bagi sains gunaan adalah seperti kejuruteraan, perubatan, elektronik dan sains komputer. (Sulaiman Noordin, 1993:61). Perbezaan yang dapat dilihat wujud antara sains barat dan sains Islam ialah dari sudut konsep “sains holistik” yang mencakupi aliran *spiritual* dan *material* dalam sesebuah kajian yang dijalankan. Sains Islam tidak sesekali mengizinkan nilai-nilai yang menyuburkan kerohanian insan terpisah daripada kajian sains. Seperti yang pernah dinyatakan oleh Muhammad Iqbal, pencarian sains seharusnya memenuhi adab-adab kajian yang bukan sahaja berteraskan kepada etika profesionalisme yang bersifat duniawi, bahkan harus disulami dengan prinsip akidah dan amanah sebagai Khalifah di muka bumi Allah SWT. Inilah nilai yang sepatutnya ada dalam menyatukan sains dan pegangan agama dengan memahami bahawa penyelidikan sains adalah suatu bentuk amalan kontemplatif iaitu ekspresi penyembahan yakni ibadah kepada Tuhan Yang Maha Esa. (Azizan Baharudin, 2007:21)

Cabaran Perkembangan Sains dan Teknologi Islam Masa Kini

Dalam menempuhi cabaran dunia masa kini yang semakin canggih, umat Islam haruslah berani dan tekad untuk bersaing dengan penganut agama-agama lain bagi membuktikan bahawa Islam bukanlah agama yang mundur. Tugas ini seharusnya digalas bukan oleh sesetengah golongan sahaja, malah setiap umat Islam harus berusaha untuk mempertingkatkan lagi mutu kehidupan mereka dengan menguasai warisan-warisan ilmu sains yang suatu masa dahulu pernah dipelori oleh ilmu-ilmuan Islam. Jika suatu masa dahulu, sejarah dunia telah membuktikan bahawa sarjana-sarjana Barat mengambil teori-teori sains dalam pelbagai aliran yang dijumpai oleh tokoh-tokoh ilmuan Islam untuk dijadikan prinsip asas bagi kajian mereka. Jadi mengapa tidak umat Islam yang kini angkanya hampir mencecah 1.57 bilion di seluruh dunia mengambil anjakan paradigma untuk menjulangkan nama Islam berbekalkan kepada kelebihan jumlah kuantiti umat yang teramai di dunia. Janganlah sampai akhirnya senario yang pernah digambarkan melalui hadith Rasulullah SAW dalam menyebut bahawa umat Islam bakal menjadi buih yang banyak, tetapi kurang memberi impak dan kualiti kehidupan yang hebat. Telah diriwayatkan oleh Tsauban, bahawa telah bersabda Rasulullah SAW:

“Hampir saja bangsa-bangsa mengepung kamu, seperti kelompok orang lapar siap melahap makanan”. Berkata seorang sahabat, “Apakah karena jumlah kami sedikit pada waktu itu?” Rasul SAW. menjawab, “Jumlah kamu pada saat itu ramai, tetapi kualiti kamu seperti buih ditengah lautan. Allah mencabut rasa takut dari musuh terhadap kamu, dan memasukkan kedalam hati kamu penyakit wahn”. Berkata seorang sahabat, “Wahai Rasulullah SAW., apa itu wahn?” Rasul SAW berkata, “Cinta dunia dan takut mati”

(H.R. Ahmad dan Abu Daud)

Kita harusnya menyedari bahawa menuntut ilmu adalah asas bagi peningkatan iman, kerana tanpa ilmu, mustahil amalan akan dapat dilakukan secara sempurna. Para ulama

Islam berpendapat bahawa kewajipan menuntut dan menceburi bidang ilmu sains dalam kesemua aliran adalah merupakan suatu bentuk *fardhu kifayah* ke atas umat Islam. Umpamanya al-Ghazali pada abad ke 12 masihi telah merangkumkan ilmu-ilmu berkenaan perusahaan penting seperti pertanian, pembinaan, dalam kategori ini. Manakala terbaru pada abad ke 21, Syed Muhammad Naquib telah menambah dengan memasukkan ilmu-ilmu kemanusiaan, sains tabi'e, sains gunaan, sains teknologi dan beberapa aliran ilmu tamadun dan sejarah Islam sebagai teras *fardhu kifayah* yang perlu dituntut oleh umat Islam. Kewajipan ini adalah berdasarkan kepada keperluan dan tuntutan semasa yang tidak dapat dikesampingkan daripada urusan kehidupan duniawi masyarakat Muslim.(Mohd Sani,2012:32)

Kehebatan Islam dengan rahmat Allah SWT dan ditambah pula dengan intipati syariat yang universal telah menyebabkan ramai manusia terpicat dengan memeluk Islam walaupun pada awal kelahiran mereka tidak beragama Islam. Maka bagi mengekalkan kesinambungan legasi Islam pada zaman kontemporari ini, umat Islam kini harus berani menyahut cabaran untuk bertindak sebagai "*Founder*" yakni pengasas, bukan lagi sebagai "*User*" yakni pengguna. Lihatlah betapa mendominasinya golongan bukan Islam kini dalam arus teknologi sehinggakan umat Islam pun sendiri bergantung harap menggunakan penemuan teknologi mereka, umpamanya seperti platform *Microsoft*, agen pencarian *Google*, dan banyak lagi. Kesemua penggunaan ini dikawal oleh mereka dan sukar untuk diterapkan ajaran agama Islam sepenuhnya kerana tidak diasaskan dan dimiliki oleh Islam. Menurut Uthman el-Muhammady, seharusnya pergerakan dakwah dapat dilakukan dengan kaedah yang lebih progresif dan produktif sekiranya bidang-bidang sains dan ICT sebegini dikuasi dikembangkan oleh umat Islam supaya dapat dimanfaatkan demi untuk menjayakan misi dakwah menggunakan teknologi canggih.(Muhammad Uthman,2000:64). Adaptasi dakwah yang bertepatan dengan kehendak semasa terutamanya dalam memenuhi kehendak global, adalah suatu kewajipan bagi umat Islam supaya kandungan dakwah Islam tidak lagi terbatas dan bebas untuk disebarkan mengikut acuan keaslian Islam, serta dijauhkan daripada propaganda negatif oleh pihak Barat.

Antara cabaran hebat yang dihadapi oleh umat Islam dalam menongkah arus peredaran masa kini ialah kurangnya praktikal Islam dalam penggunaan sains dan teknologi. Tidak dinafikan bahawa sejumlah besar saintis hebat dan tenaga kerja mahir bagi teknologi canggih masa kini adalah mereka yang beragama Islam. Akan tetapi mengapa nama Islam tidak berjaya dilihat megah dan seharum dahulu seperti pada era ketamadunan lampau, yang mana akhirnya yang dijadikan rujukan adalah golongan bukan Islam. Berkemungkinan besar, jawapan yang tepat ialah kerana penemuan sains dan kajian yang dijalankan oleh muslim kini bukanlah atas dasar ikhlas untuk *Ta'abbudu Illah* yakni penghambaan kepada Allah SWT, tetapi hanya untuk mencari keuntungan dunia semata-mata. Ramai umat Islam akhirnya menjadi penyumbang kepada kehebatan dunia Barat apabila penemuan sains dan hasil kajian mereka diserahkan dan diberikan kepada pihak Barat untuk dikomersialkan. Natiujahnya kemegahan ilmuan Islam terselindung akibat daripada terlalu bergantung kepada media Barat untuk tujuan pemasaran dan penjenamaan di peringkat global.

Keadaan sedemikian dilihat amat merugikan syiar Islam kerana sepatutnya penemuan saintifik oleh ilmuan Islam yang bercirikan prinsip akidah, sepatutnya dimanfaatkan untuk

tujuan pembangunan tamadun Islam. Ini adalah kerana, sains Islam seharusnya dipelajari dari sudut pandangan semesta Islam melalui definisi, metodologi, objektif, rumusan kajiannya berteraskan falsafahnya yang tersendiri. (Syed Hossein Nasr, 2007:193). Zaman kegemilangan Islam akan kembali tercapai apabila bidang sains dapat dikuasai secara komprehensifnya oleh umat Islam. Bermula daripada perangkaan, pelaksanaan, pembuktian, penemuan dan akhirnya pengkomersialan adalah dilakukan oleh umat Islam sendiri tanpa terlalu bergantung harap pada dunia Barat. Di sini barulah kita dapat melihat situasi yang unik dan menjadi impian umat Islam, iaitu apabila akhirnya Barat pula yang akan mula untuk menunjukkan minat dan bergantung kepada penemuan-penemuan sains dan teknologi Islam yang lebih bersifat sejagat.

Islam dan Sains Sosial (Sains Politik)

Adalah suatu tindakan yang tidak beradab apabila meletakkan Pengajian Islam dalam bidang Pengajian Sains Sosial. Contohnya, bidang Pengajian Islam di letakkan di bawah Fakulti Sains Sosial. Islam menerima ilmu-ilmu Sains Sosial. Pembuktian atau finding dalam Sains Sosial boleh diterima dalam Islam, selagi mana tidak bercanggah dengan syarak.

Dalam ilmu Sains Sosial, pembuktian penyelidikan biasanya dilakukan melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. Misalnya, untuk mengukur persepsi, keberkesanan dan sebagainya. Penemuan hasil penyelidikan boleh diterima pakai.

Namun, perlu diingat, tidak semua ilmu dalam Islam boleh dibuktikan melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan barat ini boleh digunakan pakai dalam perkara-perkara atau penyelidikan tertentu sahaja. Misalnya, melakukan penyelidikan bagi menghalalkan LGBT. Atas nama demokrasi, mungkin ilmu Sains Sosial boleh menghalalkannya. Tetapi Islam tidak sama sekali membenarkan, meskipun majoriti berkehendakkan.

Kesimpulan

Proses mewujudkan kesepaduan antara ilmu sains dan intipati ajaran Islam tidak seharusnya dibelakangkan oleh umat Islam. Jika tidak pastinya, umat Islam akan dianggap mundur dan disifatkan *Jumud* oleh agama lain. Malah kita seharusnya mengambil peluang keemasan ini, iaitu untuk menyatukan segala bidang kajian sains dengan penghayatan keagamaan kerana itulah satu-satunya “*added value*” yakni nilai tambah yang membezakan antara kesucian Islam dengan agama-agama lain. Secara positifnya, impian untuk mengembalikan zaman kegemilangan tamadun Islam yang kaya dengan golongan ilmuan dan agamawan bukanlah suatu yang mustahil. Ianya pasti tercapai asalkan umat Islam sanggup memasang niat untuk berjihad dan mencurahkan bakti keringat untuk mengembangkan agama dalam kesemua bentuk pengajian, khususnya bidang yang diperlukan pada masa kini iaitu sains dan teknologi. Elakkan daripada melakukan sesuatu kajian dan menceburi sesuatu bidang untuk tujuan bersifat peribadi semata-mata. Akan tetapi fikirlah tentang manfaat yang boleh diberikan oleh kita sebagai umat Islam yang menggalas tanggungjawab sebagai pemakmur bumi Allah SWT. Sewajarnya kita mengharumkan nama agama dan menjadikan syiar Islam berkemundang dan tersebar di seluruh dunia dalam kesemua bidang ilmu pengajian.

Rujukan

Al-Quran Al-Kareem

Al-Nawawi, 2012, *Syarah al-Wafi Hadis 40*. Editor: Norhayati Bachok, Selangor: Syabab Book Link

Al-Rifai'e Abdul Kareem, 1992, *Sharh Matan al-Arbai'n al-Nawawiyyah*, Damsyik: Maktabah al-Ghazali

Al-Zuhaily Wahbah, 1999, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Dar al-Fikr

Azizan Baharudin, 2007, *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains*, . Dlm Pendekatan Holistik Sains dan Agama. Pynt: Syed Muhammad Dawilah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Md. Saleh Ahmad, 2007, *Peranan Ijtihad Sebagai Pemangkin Ke Arah Kegemilangan Islam*. Dlm Pendekatan Holistik Sains dan Agama. Pynt: Syed Muhammad Dawilah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohammad Uthman, 2000, *Adaptasi Pendekatan Dakwah dalam Era Globalisasi*. Dlm Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat & Komunikasi. Pynt: Shaikh Mohd Saifuddin, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia

Mohd Sani Badron, 2012, *Kewajiban Menguasai Sains: Fardu Ain-kah atau Fardu Kifayah?*. dlm Membina Kekuatan Sains di Malaysia. Pynt: Azrina Sobian, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia

Sulaiman Noordin, 1993, *Sains, Falsafah dan Islam*, Selangor:Pusat Pengajian Umum UKM

Syed Hossein Nasr, 2007, *Islam, Science, Muslims and Technology*, Canada: Al-Qalam Publishing & Kuala Lumpur: Islamic Book Trust

Zaheril Zainudin, 2007, *Sumbangan Sains Islam Kepada Tamadun Manusia*. Dlm Sains Merentasi Zaman. Pynt: Nik Salida Suhaila & Mohammad Noorizzuddin, Negeri Sembilan: Penerbit USIM